



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI ISNIN, 27HB., SYAABAN 1444 / 20HB., MAC 2023  
(HARI KETIGA BELAS)**

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI  
KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menyampaikan kenyataan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

**2.2. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

2.2.1. Jawatankuasa menyambung untuk menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga SK08A

2.2.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:

- i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Mengharapkan agar peraturan-peraturan yang digubal dan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan untuk diberigakan;
- Menyoalkan apakah perkara-perkara yang diperlukan lagi oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk mencapai 100% dalam peratus permohonan kebenaran perancangan agar tidak terdapat *backlog*;
- Memohon pencerahan mengapakah permohonan menukar syarat tanah perlu untuk dikelilingkan kepada agensi-agensi dalam Kementerian Pembangunan, sekiranya sudah ada *masterplan* dan pelan kemajuan setempat;
- Memohon pencerahan bagaimana cara untuk mempercepatkan proses menukar syarat tanah dan pengesahan bagi menyesuaikan keadaan kemajuan dalam kawasan yang dipohonkan;
- Berpendapat bahawa Kementerian Pembangunan perlu untuk *mereview* kesesuaian *zoning* sama ada masih boleh diguna pakai ataupun perlu diperbaiki di kawasan-kawasan tertentu;
- Menyoalkan apakah langkah-langkah ke hadapan pihak kementerian untuk memperbaiki keadaan kawasan pembangunan komersial akan lebih teratur, terurus dan selesa;
- Ingin mengetahui berapa jumlah kontraktor tempatan khususnya di kalangan bumiputera yang berdaftar pada masa ini;
- Mencadangkan untuk lebih banyak projek berskala kecil akan diberikan kepada startup dan PMKS yang terdiri dari anak-anak tempatan sebagai *Local Business Development program*, dengan digubal peraturan yang tegas bagi mengelakkan *disubkan* kepada syarikat-syarikat asing.

ii. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann

- Menyuarakan isu jalan raya yang rosak di kawasan pedalaman di Daerah Belait;
- Mengajukan soalan sama ada pihak kementerian mempunyai perancangan ke arah menaik taraf

lebuhraya-lebuhraya dengan menyediakan kemudahan-kemudahan awam;

- Bertanya jika pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menyediakan Skim Perumahan Negara di Daerah Belait;
- Ingin mengetahui langkah untuk mempercepatkan proses-proses hak milik geran tanah kepada penerima skim perumahan yang sudah melunaskan pembayaran mereka;
- Menyuarakan mengenai isu papan tanda jalan, nombor simpang, nombor rumah dan label-label kampung yang sudah kabur dan tidak jelas yang menyukarkan para pengguna mencari alamat dan tempat yang dilalui.

iii. Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat

- Mencadangkan agar dibina jambatan ke Kampung Menunggol bagi kesejahteraan dan kemudahan penduduk kampung;
- Mencadangkan untuk membina jejambat di pusing keliling Sungai Akar memandangkan ianya adalah pusing keliling utama untuk mengelakkan kesesakan jalan raya;
- Mencadangkan untuk membuat pusingan-u di Jalan Residency berdekatan dengan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei untuk kemudahan pengguna jalan raya yang menuju ke Jalan Subok.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman

- Menyarankan agar masalah-masalah seperti terputus bekalan air dan bekalan air yang kurang bersih, penghapusan sisa-sisa pepejal domestik, komersial dan sisa-sisa kesihatan, dan isu banjir perlu diberi perhatian sehingga mencapai penyelesaian;
- Menyoalkan kaedah bagi mengekalkan industri pembinaan memandangkan kurangnya projek pembinaan kerajaan, dan bagaimana memastikan syarikat tempatan tidak terpinggir dengan tatacara perolehan *design and build*;
- Ingin mengetahui apa yang dapat dipelajari daripada projek Rancangan Perumahan Negara Kampung

- Mengkubau agar isu-isu yang dikenal pasti tidak berulang;
- Memohon pencerahan bagaimanakah hubungan antara *main contractor* dan *subcontractor* dalam projek-projek pembinaan;
  - Mencadangkan untuk meneruskan Skim Pemberian Tanah Kurnia kepada pemohon-pemohon termasuk tanah-tanah *TOL*, dan menyoalkan status kaedah *public private partnership* sebagai alternatif dalam pembinaan perumahan negara;
  - Menyeru agar pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi boleh lebih menonjol dengan kegiatan-kegiatan menanam pokok-pokok bunga yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah agar kesedaran menjaga kebersihan, memelihara kecantikan alam sekitar dapat dipupuk.
- v. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin
- Ingin mengetahui sekiranya pihak kementerian mempunyai pakar yang berkenaan dalam *project management and contractor management*;
  - Mencadangkan untuk menilai projek yang dahulu dan mengenalpasti strategi yang baik bagi projek-projek yang akan datang, dan mencari *area of non-compliance*;
  - Memperkenalkan *project delivery* sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian Pembangunan;
  - Ingin mengetahui adakah latihan dan peperiksaan praktikal peringkat 3 - *Practical Training in Part 3 Examination* dikuatkuasakan sebelum pengeluaran lesen dalam *architecture*, pembinaan dan seni bina;
  - Ingin mengetahui adakah *external part 3 examination* dikawal selia sepenuhnya oleh arkitek tempatan yang berkelayakan;
  - Menyoalkan adakah akreditasi untuk kelayakan *qualification architecture* mendapat kelulusan bersama *the Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors* (BAPEQS), *Brunei Darussalam*

*Accreditation Council*, dan Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Negara Brunei Darussalam (PUJA).

- vi. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
- Memohonkan pencerahan atas tanggungjawab dan keberkesanan kuasa enforcement pihak *TCP* dan *ABCi* dalam memastikan pengasingan zon kediaman iaitu residential, commercial, industri kecil, rekreasi dan pendidikan dalam menempatkan atau memberi approval *occupancy*, lesen operasi dan memastikan infrastruktur asas yang bersesuaian
  - Menyoalkan apakah perancangan Kementerian Pembangunan dalam menangani isu pembangunan tanpa mengambil kira infrastruktur, kemudahan dan keselamatan, agar perancangan bandar nampak teratur dan prasarana yang mencukupi;
  - Mencadangkan untuk mengaplikasikan *risk based assessment* dalam menetapkan kondisi untuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan terutama untuk membina rumah kos rendah dan perusahanan kecil;
  - Mencadangkan untuk menyemak kesesuaian untuk memberi kelulusan bagi orang awam menggunakan pelan Skim Perumahan Negara yang sedia ada;
  - Mencadangkan agar projek-projek yang berskala besar dan penting agar mempunyai penyelia yang berkebolehan untuk memantau projek-projek tersebut termasuk dalam aspek *quality assurance and quality control*;
  - Mencadangkan lebih banyak graduan muda diberi peluang pendedahan langsung sebagai *support staff dalam site provision* dan khususnya dalam bidang *quality assurance and quality control*;
  - Menyarankan agar diberikan peluang kepada *medium-sized contractors* dan penglibatan anak-anak tempatan dalam projek skala besar kerajaan mengikut kepakaran masing-masing;
  - Mencadangkan untuk meneliti bagi mengembalikan ganjaran kewangan sebagai perangsang kepada

- kakitangan kementerian yang mencapai tahap profesional dalam bidang pembinaan;
- Mencadangkan agar pemberian kontrak untuk mengambil kira proposal dan performance track record;
  - Mencadangkan untuk meneliti keperluan kontraktor dalam kelas 5 dan 6 untuk mempunyai sekurang-kurangnya pengarah atau pegawai eksekutif yang bertaraf professional;
  - Mencadangkan agar pihak kementerian atau PUJA untuk meneliti penggunaan nama-nama profession;
  - Menyarankan agar masjid atau surau sebagai prasarana utama dalam pembinaan perumahan;
  - Mencadangkan untuk menyelia dan menyemak semula keadaan trafik di kawasan-kawasan sekolah rendah dan menengah di kawasan perumahan supaya dapat memastikan kebolehcapaian kemudahan untuk keluar dan masuk sekolah;
  - Mencadangkan pertimbangan untuk membangunkan *model houses* untuk mensyorkan dan mempamerkan *proof of concept* sumber kuasa mampan teknologi hijau yang boleh digunakan dan membuktikan kepada orang ramai bahawa konsep ini bermanfaat;
  - Menyoalkan jika *professional ethics* dan *guidelines* sudah dijadikan sebagai *condition, registration* dan *license to operate* dalam industri pembinaan; dan apakah perlindungan kepada pekerja yang melaporkan organisasinya sendiri tidak berlaku *ethical* dan agensi manakah perlu dituju untuk membuat laporan;
  - Ingin mengetahui adakah inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melartkan inisiatif memantau *in-country value* dan *Local Vendor Development* dalam projek-projek berskala besar dan lain-lain projek yang diberikan oleh kementerian;
  - Mengambil baik inisiatif pihak kerajaan untuk meneliti kembali rumah-rumah dan aset kerajaan yang terbiar untuk digunakan semula; dan mencadangkan supaya *outcome* dan *progress review* mengenai perkara ini untuk diberigakan kepada *district officers* di keempat-empat daerah secepatnya.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

**2.3. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**

- 2.3.1. Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

**2.4. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

- 2.4.1. Jawatankuasa menyambung untuk menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga SK08A.
- 2.4.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu:
- i. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin
    - Mencadangkan untuk menambah tempat letak kereta di kawasan Kampung Bolkiah, Kampung Tarap Bau dan Kampung Setia bagi kemudahan dan keselamatan pengguna, serta untuk membuat pemantauan untuk mengelak perkara yang tidak diingini berlaku;
    - Mencadangkan supaya pihak yang bertanggungjawab dapat memasang lampu isyarat di simpang empat Jalan Lumapas, Kasat, Lupak Luas demi untuk keselamatan para pengguna jalan raya tersebut.
  - ii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir
    - Mencadangkan untuk meneliti lagi syarat-syarat minimum bagi memohon menaik taraf jalan kepada jalan aspal atau berbatu mengikut kesesuaian kawasan dan juga tempat;

- Ingin mengetahui apakah perancangan pihak kementerian untuk menaik taraf jalan-jalan utama di Daerah Temburong termasuklah menyediakan papan-papan tanda jalan dan tempat menarik;
- Mencadangkan agar pihak kerajaan mempertimbangkan untuk membuka lagi kawasan-kawasan baharu yang lebih strategik bagi mendapatkan hasil pengeluaran isi padu batu yang lebih banyak dan berkualiti bagi memastikan bekalan batu dapat disediakan secara konsisten bagi memenuhi kehendak pasaran;
- Menyoalkan mengenai perancangan untuk memperbaiki dan menaik taraf Taman Rekreasi Batang Duri di Daerah Temburong.

iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin

- Menyoalkan bagaimana untuk mengimbangi antara satu persyaratan yang berat bagi pekebun yang dikenakan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCI*) atas keselamatan nyawa;
- Menyarankan agar dapat dilonggarkan syarat-syarat *ABCI* dengan cara memberikan *grace period* atau *probation* agar pekebun dapat menghasilkan produk-produk mereka dengan *input* masing-masing.

2.4.3. Tajuk Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

## **2.5. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

2.5.1. Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan mukadimahya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SELASA, 21HB MAC 2023 JAM 9:30 PAGI]**

---